

<b>Headline</b>	<b>Pencemaran sungai Kilang haram perlu ditutup</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Borneo Sabah</b>		
<b>Date</b>	<b>09 Oct 2016</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>General News</b>	<b>Circulation</b>	<b>45,554</b>
<b>Page No</b>	<b>A7</b>	<b>Readership</b>	<b>136,662</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>240 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 422</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily (EM)</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 1,265</b>



## Pencemaran sungai: Kilang haram perlu ditutup

KUALALUMPUR: Operasi kilang-kilang haram di seluruh negara terutama yang terletak berhampiran rizab sungai perlu dihentikan segera bagi mengelakkkan masalah pencemaran seperti yang berlaku kebelakangan ini.

Menggesa demikian, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, "Kalau boleh

rizab sungai jangan lagi diguna pakai sebagai tempat kumbahan ataupun sebagai lokasi kilang".  
Beliau bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta FRIM) sempena sambutan ulang tahun FRIM ke-31 di sini, kelmarin.

Menyebabkan mengulas mengenai

pencemaran teruk air Sungai Semenyih berpuncanya daripada sisa-sisa kilang industri dari kawasan Hitech Semenyih.

Pada 23 Sept lepas, Kumpulan Air Selangor dalam satu kenyataan mengumumkan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa ditutup mulai 22 hingga 24 Sept berikutnya sejuk 1 Okt.

Ia menyebabkan gangguan

berpanjangan bekalan air

daerah Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang, dan sekali lagi loji itu terpaksa ditutup pada 4 Okt lepas berikutnya kerana masalah yang sama.

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata Akta FRIM yang diwartakan pada 30 Sept lalu telah berkuat kuasa sejak 1 Okt.

Beliau berkata akta

itu membolehkan FRIM

mengkomersialkan

hasil penyelidikan dan pembangunan serta menubuhkan syarikat bagi menjana pendapatan sendiri yang bertujuan untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan dan aktiviti penyelidikan, pembangunan serta komersialisasi FRIM.

"Usaha pengkomersialan tersebut dijangka dapat membantu FRIM mengurangkan kebergantungannya

kepada dana kerajaan serta mencapai 'self-sufficiency' dalam tempoh lima tahun," katanya.

Pada majlis itu, Wan

Junaidi menyaksikan penyerahan tiga sijil Malaysia Book of Records iaitu hutan buatan manusia terbesar ditubuhkan di kawasan bekas lombong bijih timah, pokok hutan tertinggi yang ditanam manusia dan formulasi biodiesel pertama untuk

pengwasapan (fogging) nyamuk Adeksekapda Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Terdahulu, beliau melepaskan hampir 1,400 peserta Rimbatlon 2016 anjuran Kelab FRIM serta Pejabat Belia dan Sukan daerah Gombak sempena Hari Sukan Negara yang disertai pelajar sekolah selain orang awam serta kakitangan FRIM. -Bernama